



داسر دان قلن تيندقن ونيتا قهع

# DASAR & PELAN TINDAKAN WANITA PAHANG

2022-2026

## **DASAR DAN PELAN TINDAKAN WANITA PAHANG 2022-2026**

Cetakan Pertama, 2022

Hak Cipta Kerajaan Negeri Pahang, 2022

Hak Cipta Adalah Terpelihara

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada pemilik iaitu Kerajaan Negeri Pahang.

Diterbitkan oleh;

### **UCYP PRESS**

University College of Yayasan Pahang

Tingkat 2, Kompleks Yayasan Pahang

Tanjung Lumpur, 26060 Kuantan

Pahang Darul Makmur, Malaysia

Tel: +609 534 3999

Faks: +609 534 1399

Emel: [penerbit@ucyp.edu.my](mailto:penerbit@ucyp.edu.my)

ISBN: 978-967-2491-19-4

ISBN 978-967-2491-19-4



DASAR & PELAN TINDAKAN  
WANITA PAHANG 2022 – 2026

Dengan kerjasama;

### **Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang**

Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan, Pahang

Tel: +609 512 6600 (AM) / +609 512 6700 (BPEN)

Faks: +609 513 4742 (AM) / +609 515 6327 (BPEN)

<http://www.pahang.gov.my>

Di cetak oleh:


PROJIGU Revolution empire (002880232-X)

B-20-25, 3 Elements, Persiaran Putra Permai,

43300 Seri Kembangan, Selangor.

Tel : +6010 267 2667





داسر دان قلن تيندقن ونيتا قهع

**DASAR & PELAN TINDAKAN  
WANITA PAHANG  
2022-2026**





**1.0**

**PRAKATA**



## I.1 YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PAHANG

---



### **YAB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL**

SSAP, SUMMW., DSAP, DIMP, SMP, AMP.

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Kerajaan Negeri Pahang amat menyedari peranan dan sumbangan besar wanita dalam agenda pembangunan negeri dan masyarakat. Justeru, pelbagai inisiatif dan pendekatan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memperkasa peranan dan sumbangan wanita ini.

Antara inisiatif tersebut ialah menubuhkan Majlis Pembangunan Wanita Pahang, melancarkan Pusat Wanita Pahang, melaksanakan Program Anggun Niaga, Program Anggun Usaha, Program Saringan Mamogram Cakna Suri, Program Saringan Kanser Serviks dan pelbagai lagi.

Terbaru, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang (DPTWP) yang digarap sebagai 'blueprint' menyeluruh bagi melahirkan wanita Pahang yang bersemangat kental, kreatif, berkemahiran serta berdaya saing.

DPTWP diharap mampu mengupaya potensi, menjadi paksi dan kemudi kepada pembangunan wanita yang mapan melalui strategi-strategi khusus yang diilhamkan oleh tokoh-tokoh wanita Pahang sendiri.

Justeru, saya menyeru wanita di Negeri Pahang agar menghayati serta mendalami intipati DPTWP bagi memastikan masing-masing mempunyai kefahaman yang sama untuk mencorakkan masa hadapan yang gemilang untuk golongan wanita di negeri Pahang.

Akhir kata, saya berharap agar penghasilan buku ini akan memberi manfaat kepada seluruh wanita di Pahang khususnya dan di Malaysia amnya. Saya juga mendoakan agar segala usaha murni ini akan mendapat keberkatan di sisi Allah SWT.

## I.2 PENERUSI PERPADUAN, KEBAJIKAN MASYARAKAT, PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA NEGERI PAHANG

---



**YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA  
BINTI SHAMSUDDIN**

SSAP, DIMP., AMP, BCM.

Alhamdulillah, syukur dengan izin-Nya, Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang (DPTWP) 2022-2026 dapat direalisasikan jua dengan jayanya. Rangka kerja dan hala tuju DPTWP bagi tempoh 2022-2026 dirangka secara holistik dengan mengambil kira senario semasa termasuk isu dan cabaran ketika ini di mana semua negara termasuk Malaysia telah dilanda Pandemik COVID-19.

Buku DPTWP ini digarap selari dengan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Wanita Negara dengan pengemaskinian dan penambahbaikan yang bersesuaian bagi wanita Pahang. Dasar serta strategi pelaksanaan sedia ada telah dimurnikan dan diberi suntikan nafas baru. Buku DPTWP ini seharusnya dijadikan rujukan utama dalam kalangan semua pemegang taruh wanita sama ada di peringkat penggubal mahupun pelaksana dasar. Ianya mengandungi panduan serta landasan penyelarasan program pembangunan wanita di negeri Pahang yang merentas ke semua agensi atau organisasi yang berkaitan.

Kesemua pihak telah memainkan peranan serta menunjukkan kesepaduan dalam memberikan komitmen yang tinggi semasa proses penggubalan dasar ini. Perencanaan pelan ini amat mencabar memandangkan ia dibangunkan ketika penularan pandemik COVID-19. Namun cabaran inilah menjadikan pembentukan DPTWP lebih bermakna.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan yang begitu besar dan positif dalam menyediakan dasar ini. Maklum balas, pandangan serta idea yang telah dilontarkan amatlah saya hargai dan semoga hasrat murni kita dalam membangunkan wanita berteraskan DPTWP ini terlaksana dengan jayanya dan diberkati Allah S.W.T.



### **I.3 PENERUSI PEMBANGUNAN DASAR DAN PELAN TINDAKAN WANITA PAHANG**

---



**YBHG. TAN SRI DATO' SRI  
DR. NOORUL AINUR BINTI MOHD NUR**  
PSM., SSAP., SIMP., DIMP.

---

Memperkasa serta mengupayakan peranan wanita adalah menjadi tanggungjawab bersama dalam memastikan wanita dapat menempatkan diri dalam arus pembangunan negara. Isu dan cabaran yang dihadapi golongan wanita hari ini adalah manifestasi persekitaran yang terbentuk seiring dengan kemajuan ekonomi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa perkembangan pesat yang dihadapi negara kini banyak memberikan kesan yang positif kepada wanita.

Kerajaan Negeri Pahang tidak ketinggalan dalam merangka pelbagai inisiatif bagi memperkasa wanita sebagai tulang belakang pembangunan di negeri ini. Bagi merungkai isu-isu berkaitan wanita termasuk isu diskriminasi gender serta semua aspek pembangunan wanita, ianya akan diperhalusi dan diperincikan dalam pembentukan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang (DPTWP) 2022-2026.

Buku ini menggariskan asas pembangunan DPTWP, pernyataan Dasar Wanita Pahang (DWP), Objektif DWP, cabaran-cabaran wanita Pahang serta sepuluh kluster yang menyokong pemerikasaan wanita di Negeri Pahang Darul Makmur ini.

Penyataan Dasar Wanita Pahang meletakkan komitmen berterusan kerajaan negeri dan kepimpinan wanita Pahang dalam usaha untuk menjayakan agenda wanita negeri ini. Ianya merupakan satu manifestasi kekuatan, ketahanan dan potensi wanita dalam menjana peluang dalam pelbagai sektor yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan, pembangunan sejagat dan pemerikasaan ekonomi negeri Pahang dalam suatu tempoh yang telah ditetapkan.

Sebagai mengakhiri prakata ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat bagi memastikan penerbitan buku Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang ini (DPTWP). Semoga komitmen dan kesungguhan ini dapat diteruskan dan menjadi satu sumbangan yang amat bermakna untuk negara amnya dan negeri Pahang khususnya.

## **ISI KANDUNGAN**

## **HALAMAN**

### **I.0 PRAKATA**

I.1	MENTERI BESAR PAHANG	i
I.2	PENGERUSI JAWATANKUASA PERPADUAN, KEBAJIKAN MASYARAKAT, PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA NEGERI PAHANG	ii
I.3	PENGERUSI PEMBANGUNAN DASAR DAN PELAN TINDAKAN WANITA PAHANG	iii

---

<b>2.0</b>	<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	01
<b>3.0</b>	<b>Pengenalan Dasar Wanita Pahang</b>	03
<b>4.0</b>	<b>ASAS PEMBANGUNAN DASAR WANITA PAHANG</b>	04
<b>5.0</b>	<b>PENYATAAN DASAR WANITA PAHANG</b>	05
<b>6.0</b>	<b>VISI DAN MISI</b>	05
<b>7.0</b>	<b>OBJEKTIF DASAR WANITA PAHANG</b>	05
<b>8.0</b>	<b>ISU DAN CABARAN WANITA PAHANG</b>	05
<b>9.0</b>	<b>KERANGKA STRATEGIK</b>	13-14

---

<b>10.0</b>	<b>KLUSTER UTAMA DASAR WANITA PAHANG</b>	16
10.1	KLUSTER PENDIDIKAN	17-18
10.2	KLUSTER KEKELUARGAAN	18
10.3	KLUSTER PERUNDANGAN	19
10.4	KLUSTER KESIHATAN	19
10.5	KLUSTER KEAGAMAAN	20
10.6	KLUSTER PEKERJAAN	21
10.7	KLUSTER KEUSAHAWANAN	22
10.8	KLUSTER TEKNOLOGI	22
10.9	KLUSTER KEPIMPINAN	23-24
10.10	KLUSTER SENI, BUDAYA DAN WARISAN	25

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>11.0 PELAN TINDAKAN WANITA PAHANG 2022-2026</b>	27
11.1 KLUSTER PENDIDIKAN	28-31
11.2 KLUSTER KEKELUARGAAN	32-36
11.3 KLUSTER PERUNDANGAN	37
11.4 KLUSTER KESIHATAN	38-43
11.5 KLUSTER KEAGAMAAN	44-47
11.6 KLUSTER PEKERJAAN	48-52
11.7 KLUSTER KEUSAHAWANAN	53-56
11.8 KLUSTER TEKNOLOGI	57-61
11.9 KLUSTER KEPIMPINAN	62-66
11.10 KLUSTER SENI, BUDAYA DAN WARISAN	67-70
<hr/>	
<b>12.0 PENUTUP</b>	72
<b>SEKALUNG PENGHARGAAN</b>	73-76
<b>SENARAI NAMA JAWATANKUASA PENGGUBAL</b>	
<b>DASAR WANITA PAHANG</b>	
<b>AKRONIM</b>	77-78



**2.0**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

## 2.0 RINGKASAN EKSEKUTIF

Usaha Kerajaan Malaysia dalam mencapai kesaksamaan gender telah membolehkan wanita mengecapi kemajuan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan dan pekerjaan. Kesejahteraan hidup wanita juga menjadi salah satu agenda utama dengan memastikan hak-hak wanita dilindungi dan kebajikan mereka terpelihara.

Wanita yang merupakan sebahagian daripada aset penting negara perlu dibangunkan secara optimum bagi membolehkan mereka menyumbang secara aktif dan berkesan kepada pembangunan negara selaras dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB30) yang mengangkat kepentingan inklusiviti dan juga semangat Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mendukung pendekatan “*leave no one behind*”. Fokus akan lebih diberikan kepada usaha-usaha pembangunan kumpulan sasaran yang terdiri daripada kanak-kanak, wanita, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan keluarga. Dengan ini, kaum wanita tidak dibiarkan terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Walaupun wanita Malaysia telah mencapai banyak kejayaan dalam pelbagai bidang namun dengan adanya perubahan-perubahan di peringkat global, keupayaan wanita perlu dipertingkatkan dalam semua aspek bagi memastikan wanita menikmati kehidupan yang berkualiti dan sejahtera, terutamanya dari segi kesaksamaan gender. Penyediaan persekitaran yang kondusif bagi memastikan penyertaan wanita yang lebih berkesan dalam pembangunan negara perlu dititikberatkan bagi mencapai kesaksamaan gender selaras dengan teras kedua Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) 2021-2025 yang digariskan iaitu memperkasa wanita dan mengarusperdanakan gender bagi mencapai kesejahteraan bersama.

Wanita juga hendaklah dilengkapkan dengan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai bagi menjadikan mereka mampu untuk lebih berdaya saing dan serba boleh untuk menghadapi cabaran globalisasi.

Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang (DPTWP) 2022-2026 merupakan satu inisiatif dan komitmen Kerajaan Negeri Pahang dalam usaha untuk memperkasakan dan mengupayakan wanita-wanita di Negeri Pahang Darul Makmur. DPTWP 2022 adalah satu dokumen strategi jangka pendek dan jangka panjang serta inisiatif berterusan yang dirangka untuk menetapkan hala tuju agenda pemerksaan wanita Negeri Pahang.

Buku ini akan mencarta dan mengimplimentasi dasar yang akan memberi impak positif kepada wanita Pahang.





Perasmian Bengkel Perkasa Wanita Pahang 2022 oleh YAB Menteri Besar Pahang dengan kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang 2022-2026

**3.0**

**PENGENALAN  
DASAR WANITA PAHANG**

**4.0**

**ASAS PEMBANGUNAN  
DASAR WANITA PAHANG**

**5.0**

**PENYATAAN DASAR  
WANITA PAHANG**

**6.0**

**VISI DAN MISI**

**7.0**

**OBJEKTIF DASAR  
WANITA PAHANG**



Wanita-wanita hebat negara dan Negeri Pahang. Dari atas kiri: Hajjah Zainun Sulaiman (Ibu Zain), Tun Fatimah Hashim, Tan Sri Datin Paduka Seri Hajah Aishah Ghani, Tan Sri Napsiah Omar, Tan Sri Rafidah Aziz, Tan Sri Shahrizat Abd Jalil, Tan Sri Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, Datin Sri Dato' Sharifah Fatimah Binti Syed Omar, Tan Sri Zaleha Ismail, Dato Sri Shahaniza Shamsuddin, Dato' Sri Maznah Mazlan, Cikgu Noorjahan Sultan, Dato' Sri Hajah Siti Nurhaliza binti Tarudin, Puan Nur Fazura binti Sharifuddin, Puan Nurliana Muhammad dan Puan Intan Baizura Hj. Shuib.





### 3.0 PENGENALAN DASAR WANITA PAHANG

Sejarah agenda pembangunan dan kejayaan wanita di Malaysia telah bermula sekian lama. Tanah Melayu ketika itu telah melahirkan ramai wanita hebat yang juga merupakan pejuang-pejuang Negara. Nama-nama tersohor seperti Ibu Zain atau nama sebenarnya Hajjah Zainun Sulaiman, Tun Fatimah Hashim dan Tan Sri Datin Paduka Seri Hajah Aishah Ghani merupakan model inspirasi kepada wanita selepas mereka untuk bangkit menjadi personaliti hebat yang terus menyumbang kepada pembangunan agama, bangsa dan negara.

Malaysia kemudiannya menyantuni kehadiran pemimpin-pemimpin wanita yang hebat dalam tahun 1980an seperti Tan Sri Rafidah Aziz, Tan Sri Shahrizat Abd Jalil, Tan Sri Napsiah Omar, Tan Sri Zaleha Ismail, Tan Sri Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen dan ramai lagi nama-nama hebat yang berjuang menaikkan kedudukan wanita ketika itu. Perjuangan mereka diteruskan oleh barisan kepimpinan wanita generasi kemudian yang gigih dan terus menerus memastikan wanita berada di kedudukan istimewa sama ada di dalam organisasi negeri mahupun persekutuan.

Di Negeri Pahang, nama-nama besar kepimpinan wanita seperti Tan Sri Dato' Sri Zaharah Sulaiman, Dato Sri Shahaniza Shamsuddin dan Dato' Sri Maznah Mazlan sentiasa dekat dihati rakyat. Ketokohan mereka di dalam memperkasakan taraf dan kebajikan wanita Pahang amatlah dikagumi. Pelbagai usaha telah dilaksanakan menerusi agensi dan pertubuhan seperti Majlis Pembangunan Wanita Pahang (MPWP) dan Pertubuhan Perkumpulan Wanita Pahang (WI) untuk memastikan program-program pemerksaan wanita di negeri Darul Makmur ini dilaksanakan dengan jayanya.

Wanita-wanita Pahang juga banyak memberi sumbangan dalam organisasi dan korporat untuk membantu menguruskan halatuju strategik pembangunan negeri, institusi dan komuniti.

Sebagai contoh, Datin Sri Dato' Sharifah Fatimah binti Syed Omar, bekas Pegawai Kewangan Negeri Pahang yang kini merupakan Pengarah Eksekutif Syarikat Pahang Corporation Management Services iaitu anak syarikat kerajaan negeri Pahang yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus aspek pentadbiran dan kepimpinan pegawai serta pentadbir awam Pahang.

Pahang juga bertuah kerana mempunyai pendidik-pendidik yang berkaliber seperti Cikgu Noorjahan Sultan. Beliau adalah seorang guru yang banyak memberi sumbangan kepada murid sekolah terutama dalam subjek Bahasa Inggeris sehingga beliau berjaya memenangi Anugerah Pearson ELT Teacher kategori Asia dan Oceania pada tahun 2018 lalu.

Selain itu, ramai juga wanita Pahang masa kini yang aktif berniaga serta menjadi personaliti negara yang menjadi idola dan inspirasi pelbagai peringkat umur, sebagai contoh selebriti Dato Sri Siti Nurhaliza dan Puan Nur Fazura. Pahang juga menyaksikan kehadiran usahawan-usahawan wanita tempatan seperti Puan Intan Baizura Hj. Shuib, pemilik outlet Intan's Oven Bakery & Café yang telah bertapak di Kuantan sejak hampir 15 tahun lalu.

Terkini, wanita berasal dari daerah Kuantan iaitu Nurliana Muhammad telah dianugerahkan dengan Anugerah Perdana Belia Negara Kategori Wanita Tahun 2020 oleh Kementerian Belia dan Sukan atas sumbangan beliau mengasaskan Hub Usahawanan digital dan Smart Belia di bawah Majlis Belia Malaysia. Melihat kepada kejayaan-kejayaan ini, ternyata wanita Pahang kini semakin dikenali dengan pelbagai kebolehan dan bakat dalam pelbagai bidang sama ada aspek keusahawanan, kepimpinan, pekerjaan, pendidikan, keagamaan, perundangan, kekeluargaan, kesihatan dan teknologi terkini.



## 4.0 ASAS PEMBANGUNAN DASAR WANITA PAHANG

Dasar Wanita Pahang ini telah dibangunkan berteraskan kepada beberapa dokumen penting seperti:

### DASAR WANITA NEGARA TAHUN 1995-2015

2001

Pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan bagi memasukkan perkataan 'gender' bagi menjamin tiada sebarang diskriminasi berasaskan gender selain daripada perbezaan keturunan, tempat lahir, agama dan budaya. Pindaan ini telah diluluskan di Parlimen pada tahun tersebut.

2004

Dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam.

2011

Dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di dalam Lembaga Pengarah di sektor korporat.

Article 8(2) Equality,  
Constitution  
of Malaysia 1963,  
as amended to 2009

Dasar  
Wanita Negara  
dan  
Pelan Tindakan  
Wanita Negara;

Beijing Platform  
of Actions;  
1995

Sustainable  
Development  
Goals;  
2015-2030

OIC Women and  
Development  
Report  
2018 & 2021

Putrajaya  
Declaration  
2005.



## 5.0 PENYATAAN DASAR WANITA PAHANG

---

Dasar Wanita Pahang 2022 adalah dasar wanita yang pertama bagi Negeri Pahang yang menggariskan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dan kepimpinan wanita Pahang dalam usaha untuk menjayakan agenda wanita di negeri ini. Ianya adalah satu manifestasi kekuatan, ketahanan dan potensi wanita dalam menjana peluang dalam pelbagai sektor yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan, pembangunan sejagat dan pemerikasaan ekonomi negeri Pahang dalam suatu tempoh yang telah ditetapkan.

## 6.0 VISI DAN MISI DASAR WANITA PAHANG

---

### Visi

Wanita sebagai pemangkin utama yang bertindak sebagai pemacu kemajuan dan kemampanan negeri Pahang.

### Misi

Membangun dan memperkasa wanita Pahang dalam segala aspek kehidupan demi kelestarian, kesejahteraan dan kemakmuran negeri Pahang.

## 7.0 OBJEKTIF DASAR WANITA PAHANG

---

Dasar Wanita Pahang ini dibangunkan bertujuan untuk:

Menggariskan keutamaan menggarap keupayaan, memperkasa kekuatan dan menggunakan potensi wanita dalam perancangan strategik pembangunan negeri Pahang dengan lebih sistematik;

Menjadi rujukan utama dalam pembangunan polisi dan program berkaitan wanita di negeri Pahang; dan

Menetapkan hala tuju pembangunan wanita di pelbagai peringkat dalam pelbagai sektor agar dapat menyumbang ke arah kecemerlangan ekonomi, pembangunan dan kesejahteraan negeri.



**8.0**

## **ISU DAN CABARAN WANITA PAHANG**

## 8.0 ISU DAN CABARAN WANITA PAHANG

Berdasarkan laporan *pocket stats* negeri Pahang 2021, 47% iaitu 790,000 daripada 1.68 juta populasi negeri Pahang adalah wanita, sekaligus menunjukkan bahawa wanita Pahang mempunyai banyak peluang untuk menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat negeri Pahang. Namun begitu, terdapat pelbagai isu yang telah dikenalpasti menjadi cabaran dan kekangan kepada pemerksaan wanita di negeri Pahang.

Seramai 500 wanita Pahang terlibat dalam kajian soal selidik dan 20 wanita Pahang telah ditemubual. Penyelidikan ini dijalankan dalam tempoh 6 bulan. Hasil kajian mendapati isu-isu yang perlu diperkasakan adalah dalam beberapa aspek seperti sosio ekonomi, kekeluargaan, pendidikan, kesihatan, kesenian dan kebudayaan.

Dalam proses mengenalpasti isu, cabaran serta peluang wanita Pahang, satu penyelidikan telah dilaksanakan dengan tajuk:

**“Kekuatan, Isu, Cabaran, Kekuatan  
dan Peluang Wanita Pahang :  
Ke arah Pembangunan  
Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang”**




Foto: Jururawat wanita bertugas di kawasan pendalaman.

# RINGKASAN ISU, CABARAN, KEKUATAN DAN KEPERLUAN YANG DIUTARAKAN OLEH WANITA PAHANG (berdasarkan dapatan penyelidikan)

## Tafsiran deskriptif Nilai Min

Skor Min	Tahap kecenderungan
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Chan, Mohamad Roslan, Mohamed Alfian Harris, 2005



<b>PENDIDIKAN</b>	<b>Nilai purata (Min)</b>	<b>Item</b>
	<b>3.090</b>	Tiada motivasi atau minat dalam program pendidikan
	<b>3.374</b>	Kekurangan kemudahan pendidikan
	<b>3.454</b>	Kurang mahir untuk belajar atau mengajar dalam talian
	<b>3.504</b>	Hebahan maklumat pendidikan tidak efektif
	<b>3.534</b>	Perlunya peruntukan dana untuk program pendidikan untuk wanita


<b>SENI DAN BUDAYA</b>	<b>Nilai purata (Min)</b>	<b>Item</b>
	<b>3.270</b>	Seni dan budaya tidak lagi diamalkan oleh golongan belia
	<b>3.971</b>	Pendidikan seni dan budaya perlu diterap melalui kokurikulum
	<b>3.971</b>	Aktiviti seni dan budaya perlu disediakan di setiap daerah
	<b>3.985</b>	Perlukan peluang latihan seni dan budaya
	<b>4.044</b>	Aktiviti seni dan budaya boleh menjadi medium keharmonian pelbagai kaum

<b>KESIHATAN</b>	<b>Nilai purata (Min)</b>	<b>Item</b>
	<b>3.842</b>	Masalah keluarga mengakibatkan wanita runding
	<b>3.846</b>	Masalah keluarga mengakibatkan emosi wanita tidak stabil
	<b>4.290</b>	Kursus pengurusan stres untuk wanita perlu dipergiat

PEKERJAAN	Nilai purata (Min)	Item
	3.100	Peluang pekerjaan untuk wanita adalah terhad
	3.248	Wujud diskriminasi terhadap wanita dalam pekerjaan
	3.448	Wanita bujang berkerjaya (lewat usia) berdepan dengan stigma masyarakat
	3.962	Penerapan hak kesamarataan lelaki dan perempuan perlu dipergiat
	4.004	Wanita memerlukan sokongan majikan dalam penyertaan kursus luar syarikat

TEKNOLOGI	Nilai purata (Min)	Item
 	3.270	Obsesi media sosial menyebabkan wanita lalai dalam tanggungjawab
	3.332	Wanita yang tidak mahir teknologi mengalami tekanan
	3.362	Tiada kemudahan komunikasi dan internet di luar bandar
	3.440	Ketagihan internet mengganggu pencapaian akademik yang baik
	3.504	Tiada pendedahan teknologi kepada golongan wanita berusia
	3.558	Wanita mengalami gangguan seksual melalui media sosial
	3.878	Ibu bapa sukar mengawal penggunaan teknologi dalam kalangan anak-anak
	4.070	Jurang komunikasi antara golongan berusia dan muda atas faktor teknologi
	4.070	Golongan muda obses menggunakan teknologi



<b>AGAMA DAN "SPIRITUAL"</b>	<b>Nilai purata (Min)</b>	<b>Item</b>
	<b>3.184</b>	Kurang sensitiviti agama lain
	<b>3.286</b>	Kurang penghayatan agama
	<b>3.406</b>	Program kerohanian untuk wanita tidak cukup

<b>KEPIMPINAN</b>	<b>Nilai purata (Min)</b>	<b>Item</b>
	<b>3.544</b>	Wanita diberi pendedahan tentang gaya kepimpinan
	<b>3.606</b>	Wanita mendapat peluang sama rata dalam kepimpinan
	<b>3.620</b>	Kekurangan kemahiran teknologi menjadi penghalang wanita dalam kepimpinan
	<b>3.928</b>	Masyarakat memandang negatif penglibatan wanita dalam kepimpinan






9.0

## **KERANGKA STRATEGIK**

## 9.0 KERANGKA STRATEGIK

Visi	Wanita sebagai aset utama yang bertindak sebagai pemacu kemajuan dan pembangunan Negeri Pahang Darul Makmur									
Misi	Membangun dan memperkasa Wanita Pahang dalam segala aspek kehidupan demi kelestarian, kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Pahang									
Kluster	Pendidikan	Keluargaan	Perundangan	Kesihatan	Keagamaan	Pekerjaan	Keusahawanan	Teknologi	Kepimpinan	Seni, Budaya & Warisan
Capaian Objektif Strategik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akses kepada pendidikan asas</li> <li>Ekuiti dalam sektor pendidikan semasa</li> <li>Pendidikan sepanjang hayat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelestarian institusi kekeluargaan</li> <li>Kemakmuran masyarakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Literasi dan celik undang-undang serta hak wanita oleh Wanita Pahang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Isu kesihatan dan jaminan akses kesihatan kepada Bidadari Pahang</li> <li>Kefahaman ilmu kesihatan dan kesinambungan gaya hidup sihat yang melangkau generasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengamalan dan penghayatan agama</li> <li>Keseimbangan spiritual, psikologi dan kesihatan mental</li> <li>Jangkauan prihatin terhadap golongan mualaf</li> <li>Pelapis kepimpinan wanita dan kumpulan pakar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar guna tenaga kerja wanita</li> <li>Peratus penyertaan wanita dalam Gig Ekonomi</li> <li>Bilangan syarikat milikan wanita di Pahang bagi semua sektor ekonomi.</li> <li>Peluang kerjaya yang sama rata bagi wanita di luar bandar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Usahawan wanita mempunyai pengetahuan perniagaan yang komprehensif dan kukuh</li> <li>Literasi digital wanita Pahang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran dan kompetensi wanita Pahang dalam teknologi digital</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kualiti kepimpinan wanita di pelbagai sektor</li> <li>Kompetensi kepimpinan wanita</li> <li>Tahap iltizam pelbagai pihak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti seni budaya dan warisan setempat</li> <li>Aktiviti seni, budaya dan warisan sebagai sumber janaan pendapatan</li> </ul>
Strategi Utama	Enam (6) Strategi Utama	Lima (5) Strategi Utama	Dua (2) Strategi Utama	Dua (2) Strategi Utama	Empat (4) Strategi Utama	Empat (4) Strategi Utama	Empat (4) Strategi Utama	Tiga (3) Strategi Utama	Lima (5) Strategi Utama	Dua (2) Strategi Utama
Rakan Strategik	Kerajaan Negeri Pahang   Agensi Kerajaan dan Swasta   Institut Pengajian Tinggi   NGO   Persatuan dan Kelab									
Mekanisme Pelaksanaan	Jawatankuasa Bertindak   Jawatankuasa Pemantau									





**10.0**

## **KLUSTER UTAMA DASAR WANITA PAHANG**

## 10.0 KLUSTER UTAMA DASAR WANITA PAHANG



## 10.1 KLUSTER PENDIDIKAN

Pemeriksaan wanita melalui sektor pendidikan amatlah penting ke arah melahirkan wanita yang bukan sahaja memiliki daya intelektual yang tinggi malah kemahiran dan jati diri yang positif. Berdasarkan statistik terkini, pendidikan wanita berada pada tahap yang membanggakan. Enrolmen pelajar di institusi pengajian tinggi pada tahun 2019 adalah sebanyak 218,900 orang dengan pelajar wanita mendominasi 56% berbanding 44% pelajar lelaki. Namun begitu, kadar pengangguran dalam kalangan wanita pada tahun 2019 direkodkan sebanyak 5.1%, lebih tinggi berbanding golongan lelaki yang hanya mencatatkan 3.2%.

Bagi memastikan wanita Pahang terus berdaya saing, mereka perlu diberi peluang yang saksama untuk meningkatkan pengetahuan secara berterusan menerusi pendidikan formal dan latihan berkemahiran sepanjang hayat. Berdasarkan kajian semasa, terdapat beberapa faktor yang menghalang wanita dari menerima peluang pendidikan secara berterusan. Antaranya ialah kekurangan kesedaran wanita mengenai pentingnya pendidikan sebagai asas pembentukan masa depan, kurangnya sokongan daripada ahli keluarga, terikat dengan stigma tradisi berkaitan pendidikan, komitmen terhadap institusi keluarga, perkahwinan di usia muda, kekangan masa dan kurang minat terhadap kursus yang ditawarkan. Selain itu, masalah remaja perempuan yang tidak dapat meneruskan pendidikan akibat terlibat dengan gejala sosial juga tidak boleh dipandang remeh dan perlu ditangani supaya hak mereka untuk mendapatkan pendidikan tidak dinafikan.

Pelan Tindakan Wanita Pahang (PTWP) bagi aspek pendidikan akan memfokuskan kepada tiga (3) objektif utama iaitu memastikan golongan wanita Pahang menerima akses kepada pendidikan asas, meningkatkan ekuiti dalam sektor pendidikan dan meningkatkan peluang pendidikan serta latihan sepanjang hayat. Enam (6) strategi dengan lapan (8) program telah dirancang bagi membina potensi wanita Pahang yang merangkumi pelbagai peringkat umur dan keupayaan. Aspek-aspek utama yang ditekankan meliputi keciciran murid, peningkatan tahap pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, program tambahan berteraskan literasi kewangan, kemahiran digital dan kecerdasan emosi turut diberi perhatian.

Melalui program-program ini, wanita Pahang dapat diperkasakan lagi agar mampu berdaya dan mempunyai tahap pendidikan yang mencukupi. Di samping itu, pembinaan karektor jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI) dapat dipertingkatkan agar wanita Pahang bersedia mendepani cabaran serta mengubah lanskap pembangunan wanita di negeri Pahang. Akhirnya, negeri Pahang akan memiliki barisan wanita yang mantap seterusnya mampu menyumbang semula kepada pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran sosial.



Tuntasnya, Pelan Tindakan ini menggariskan 3 objektif utama yang didokong oleh beberapa objektif dan strategi bagi memastikan wanita mendapat peluang dalam pendidikan asas dan latihan kemahiran sepanjang hayat. Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut:-

BIL.	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)
1.	Memastikan golongan wanita Pahang pelbagai peringkat menerima akses kepada pendidikan asas.
2.	Meningkatkan ekuiti dalam sektor pendidikan semasa.
3.	Memperkasa kemahiran wanita melalui pendidikan sepanjang hayat.

## 10.2 KLUSTER KEKELUARGAAN

Keluarga Makmur adalah tema yang akan diketengahkan menerusi kluster kekeluargaan ini dan akan berfungsi sebagai teras kepada kluster kekeluargaan. Sepuluh (10) ekosistem mesra komuniti keluarga makmur yang ingin dicapai adalah dalam konteks pendidikan, kerohaniah, kepimpinan & bakat, kesihatan, kewangan & kerjaya, kaunseling, kejranaan & komuniti, riadah & rekreasi, keperluan khas dan kelestarian.

Lima (5) asas perlindungan keluarga makmur yang akan difokuskan adalah selari dengan prinsip Maqasid Shariah iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kesimpulannya, Pelan Tindakan bagi pemerksaan wanita Pahang menerusi kluster kekeluargaan ini mengandungi dua Objektif Strategik iaitu :-

BIL.	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)
1.	Mengukuhkan kelestarian institusi kekeluargaan.
2.	Melestarikan kemakmuran masyarakat.







## 10.3 KLUSTER PERUNDANGAN

Bagi mencapai objektif, Kluster Undang-undang akan memulakan program yang boleh dilaksanakan segera dengan menggunakan platform media sosial untuk memberikan pengetahuan tentang undang-undang yang terpakai di Malaysia bagi melindungi wanita dan hak mereka. Siri ceramah dan penyebaran maklumat akan dijalankan melalui kempen-kempen di tempat awam, sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi. Kluster Undang-undang juga dalam tempoh jangka masa sederhana akan mengenalpasti mana-mana undang-undang yang didapati mendiskriminasi wanita dengan mengambil langkah mengadakan sesi perbincangan dengan jabatan-jabatan berkenaan agar jabatan-jabatan kerajaan lebih prihatin dengan masalah dan hak wanita.

Juga dicadangkan agar dapat menambah bilangan rumah perlindungan wanita dan kanak-kanak yang merupakan rumah transit 24 jam bagi mereka yang terlibat dalam kes keganasan rumahtangga. Justeru, Pelan Tindakan bagi pemerkasaan wanita Pahang menerusi kluster perundangan ini mengandungi satu Objektif Strategik (OS) iaitu :-

BIL.	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)
1.	Peningkatan literasi dan celik undang-undang serta hak wanita oleh wanita Pahang.

## 10.4 KLUSTER KESIHATAN

Objektif kluster kesihatan adalah mempromosi kesinambungan gaya hidup sihat melangkaui generasi. Ianya tercapai dengan mengenalpasti isu kesihatan wanita, pemerkasaan pemahaman dan mewujudkan jaminan akses kesihatan untuk wanita Pahang. Wanita Pahang adalah bidadari negeri yang dikategorikan kepada lima bidadari yakni Bidadari Kecil (12 tahun ke bawah), Bidadari Merah (10-17 tahun), Bidadari Bangkit (remaja dan belia), Bidadari Biru (umur reproduktif 15 – 49 tahun) dan Bidadari Emas (50 tahun ke atas).

Ketika lawatan ke setiap daerah, kesemua aktiviti bagi setiap kategori bidadari Pahang akan dilaksanakan serentak agar tiada golongan wanita yang terpinggir. Semua permasalahan akut yang memerlukan rawatan akan ditangani segera. Permasalahan kesihatan akan dikenal pasti di setiap daerah untuk tindakan seterusnya semasa aktiviti jangkamasa sederhana. Untuk jangkamasa panjang, dijangka ada pengurangan ketara atau pembenterasan masalah kesihatan bagi setiap kategori bidadari.

Terlaksanalah “Kesihatan Tonggak Kemakmuran” melalui metamorfosis wanita dengan terwujud “Bidadari Perkasa Pahang Sejahtera”. Justeru, Pelan Tindakan bagi pemerkasaan wanita Pahang menerusi kluster kesihatan ini mengandungi dua Objektif Strategik iaitu :-

BIL.	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)
1.	Mengenalpasti isu kesihatan dan memberi jaminan akses kesihatan kepada Bidadari Pahang.
2.	Meningkatkan kefahaman ilmu kesihatan dan mempromosi kesinambungan gaya hidup sihat yang melangkaui generasi.

## 10.5 KLUSTER KEAGAMAAN

Pembangunan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang bagi Kluster Agama dibangunkan berasaskan kepada hasil kajian Kekuatan Isu, Cabaran dan Peluang Wanita Pahang 2021 serta data-data kajian lepas. Antara isu dan cabaran yang diperolehi dalam konteks agama dan *spiritual* ialah:

- Kurang menjaga sensitiviti agama;
- Jurang fahaman pelbagai agama sehingga mewujudkan Islam fobia dalam kalangan masyarakat;
- Kurang penghayatan agama dalam kalangan generasi millennial, Gen Z dan Alpha;
- Kekurangan aktiviti agama untuk warga emas;
- Sukar mendapat bimbingan untuk mempelajari Islam; dan
- Kekurangan pelapis kepimpinan wanita dalam bidang agama

Bertitik tolak daripada isu dan cabaran ini maka objektif Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang, Kluster Agama adalah memperkasa pengamalan dan penghayatan agama wanita, menitikberatkan keseimbangan *spiritual* dan kesihatan mental wanita, pengukuhan akidah golongan muallaf dan melahirkan barisan pemimpin wanita yang akan menjadi rujukan kepada bukan sahaja golongan wanita, malahan lelaki juga. Oleh itu, Pelan Tindakan ini mengandungi empat Objektif Strategik iaitu :-

BIL.	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)
1.	Meningkatkan tahap pengamalan dan penghayatan agama dalam kalangan generasi millennial, Gen Z dan alpha bagi melahirkan generasi muda yang lebih holistik dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual.
2.	Melahirkan golongan warga emas yang mempunyai keseimbangan <i>spiritual</i> , psikologi dan kesihatan mental dalam kehidupan.
3.	Memperluaskan jangkauan prihatin terhadap golongan muallaf bagi pengekalan akidah dan konsistensi dalam amalan agama.
4.	Melahirkan pelapis kepimpinan wanita dan kumpulan pakar dalam bidang agama untuk menjadi rujukan masyarakat dan pihak berkepentingan.





## 10.6 KLUSTER PEKERJAAN

Dasar Pembangunan Wanita Negeri Pahang dalam sektor pekerjaan telah menggariskan strategi bagi mencapai objektif ke arah meningkatkan peratusan Guna Tenaga Wanita dengan mengadakan latihan dan kemahiran terutama dalam sektor industri terpilih yang menunjukkan peratusan penglibatan wanita yang rendah. Strategi ini perlu memberikan pengkhususan kepada 'upskilling' dan reskilling' untuk wanita yang baru meneroka alam pekerjaan mahupun yang memasuki semula pasaran pekerjaan. Bagi memenuhi tuntutan ini kolaborasi di antara kluster Pendidikan bagi penyediaan kursus jangka pendek dan jangka panjang perlu dilaksanakan dengan kadar segera.

Ekonomi Gig telah dikenalpasti sebagai satu fenomena pekerjaan yang bukan lagi merupakan 'trend' tetapi sebagai satu 'Game Changer'. Ianya merupakan pekerjaan era baru di masa kini dan hadapan kerana kesesuaiannya dengan gaya hidup wanita di semua peringkat umur.

Walau bagaimanapun, ekonomi Gig ini harus didokong dan disokong dengan polisi yang jelas oleh Kerajaan Negeri dan agensi-agensi dengan teknologi yang mampan dan mantap dalam era '5th Generation'. Kedudukan semasa kadar peratusan Wanita yang terlalu kecil iaitu 8% dikalangan Pengubal Dasar dan Pembuat Keputusan di Sektor Awam di negeri Pahang memerlukan intervensi yang segera daripada Kerajaan Negeri Darul Makmur dan seharusnya perlu diterjemahkan kepada suatu kenyataan dasar yang lebih jelas dan inklusif kepada sektor awam dan swasta yang beroperasi di negeri Pahang.

Dasar ini perlu digubal bukan sahaja dalam penyediaan dana untuk kemahiran malah ianya perlu merangkumi dasar tiada diskriminasi dan eksploitasi ke atas wanita-wanita yang berkelayakan untuk meningkatkan kadar peratusan wanita sebagai penggubal dasar di negeri Pahang. Ringkasnya, Pelan Tindakan bagi pemerkasaan wanita Pahang menerusi kluster pekerjaan mengandungi Objektif Strategik seperti berikut:-

BIL.	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)
1.	Meningkatkan kadar Guna Tenaga Kerja Wanita di dalam semua sektor ekonomi.
2.	Meningkatkan peratus penyertaan Wanita dalam Gig Ekonomi.
3.	Meningkatkan bilangan syarikat milikan wanita di Pahang bagi semua sektor ekonomi.
4.	Mewujudkan peluang kerjaya yang sama rata bagi wanita di luar bandar, terutamanya di kawasan Felda dan kampung tradisi.

## 10.7 KLUSTER KEUSAHAWANAN

Kluster keusahawanan akan menumpukan perhatian kepada menghapuskan kemiskinan di kalangan wanita Pahang, menyediakan pembelajaran ilmu keusahawanan yang relevan dan berkualiti serta merapatkan jurang gender dalam bidang keusahawanan.

Untuk mencapai objektif yang digariskan, Kluster Keusahawanan mencadangkan satu pogram komprehensif yang dinamakan #SheSavvy. Program ini mencakupi 3 fasa utama iaitu Konsep Keusahawanan, Pemahaman Dunia Digital dan Aplikasi. Fasa pertama akan menjadi peringkat pembuka mata buat usahawan-usahawan wanita Pahang untuk memahami kekuatan, kelemahan, peluang dan risiko perniagaan yang diusahakan. Dapatan dari Fasa pertama ini akan menjadi asas kepada Fasa Kedua di mana usahawan wanita Pahang akan membuat keputusan dan merangka strategi keusahawanan untuk perusahaan masing-masing melalui perkongsian ilmu teknikal dan sosial oleh pasukan pakar yang disediakan.

Fasa Ketiga akan menjadi peringkat perlaksanaan perancangan yang telah dimuktamadkan dalam Fasa Kedua.

Dalam Fasa Ketiga, pasukan dari Kluster Keusahawanan akan membantu usahawan Wanita Pahang untuk mendapatkan pensijilan yang mesti diiktiraf oleh pihak berkuasa untuk memberi dokongan teknikal dan dana bagi mengembangkan perusahaan masing-masing.

Kluster Keusahawanan berharap program #SheSavvy ini akan menjadi pemangkin untuk melahirkan usahawan wanita Pahang yang lebih berilmu, berstrategi dan diiktiraf oleh agensi kerajaan sekaligus melonjakkan kemampuan mereka untuk menjana ekonomi keluarga khususnya dan ekonomi negeri Pahang secara konklusifnya.

Kesimpulannya, Pelan Tindakan bagi pemerkasaan wanita Pahang menerusi kluster keusahawanan mengandungi Objektif Strategik seperti berikut:-

BIL.	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)
1.	Memperkasakan usahawan wanita supaya lebih ramai usahawan wanita yang mempunyai pengetahuan perniagaan yang komprehensif dan kukuh.
2.	Meningkatkan kemahiran literasi digital wanita Pahang sehingga mereka dapat mengembangkan perniagaan mereka dengan sangat luas, berjaya serta menjadi penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negeri Pahang.



## 10.8 KLUSTER TEKNOLOGI

Kluster Teknologi Dasar dan Pelan Tindakan Negeri Pahang menetapkan visi untuk meningkatkan kemahiran dan memperkasakan kompetensi wanita Pahang dalam teknologi digital ke arah kesejahteraan hidup yang lestari. Pendekatan yang ingin dilakukan adalah sinergi di antara kerajaan negeri Pahang dan agensi berkaitan bagi menangani 'miskin digital'; di kalangan wanita dari pelbagai lapisan sosio-ekonomi dan bangsa serta etnik di bawah tiga elemen:

- akses kepada teknologi (*Access*);
- penguasaan teknologi (*Learn*); dan
- pemilikan teknologi (*Own*)

Bidang tumpuan utama yang ingin ditekankan ialah :

- Literasi Digital, Media dan Maklumat;
- Pemindahan Teknologi & Inovasi;
- Pendidikan *Science, Technology, Engineering dan Mathematics* (STEM);
- *Technology Upskilling & Reskilling* (Individu); dan
- *Technology Enhancement Centre* (Pusat Rujukan)

Kluster Teknologi mencadangkan penubuhan Pahang Women Innovation & Digitalization Enhancement Centre (Pahang WIDE Centre) dengan objektif :

- Menjadi penyelaras kepada program peningkatan kemahiran terhadap penguasaan teknologi dan pusat sehati teknologi dan pusat sehati teknologi kepada wanita;
- Mewujudkan sinergi antara kerajaan negeri Pahang dan agensi berkaitan yang memberi tumpuan kepada perkongsian sumber;
- Meluaskan capaian teknologi kepada semua penduduk di Pahang terutama di kawasan perkampungan;
- Membina rangkaian ekosistem pembangunan bakat untuk memenuhi keperluan semasa; dan
- Memacu perkembangan teknologi di kalangan wanita dalam pelbagai sektor di Pahang

Pahang WIDE Centre menjalinkan hubungan dengan rakan strategik bersama penyediaan infrastruktur seperti :

- Kerajaan Negeri Pahang – penggunaan institusi di bawah kerajaan Negeri Pahang;
- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) – penggunaan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang ada di negeri Pahang (universiti, politeknik, kolej komuniti);
- Kementerian Pendidikan Tinggi – penggunaan institusi pendidikan yang ada di negeri Pahang (kolej vokasional dan IPG);
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC);
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) – penggunaan institusi di bawah MARA;
- Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC); dan
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)



Secara ringkasnya, Pelan Tindakan bagi pemeraksanaan wanita Pahang menerusi kluster teknologi mengandungi Objektif Strategik seperti berikut :

BIL.	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)
1.	Meningkatkan kemahiran dan memperkasakan kompetensi wanita Pahang dalam teknologi digital ke arah kesejahteraan hidup yang lestari.

## 10.9 KLUSTER KEPIMPINAN

Kepimpinan ditakrifkan sebagai keupayaan mentadbir, mengurus dan membuat keputusan serta pemikiran yang membawa kepada perubahan ke arah kebaikan. Konsep kepimpinan merangkumi pemimpin formal (yang dilantik ke sesuatu jawatan) dan pemimpin tidak formal. Skop kepimpinan merangkumi tiga aspek, iaitu :

- i) Kepimpinan masyarakat (politik dan belia);
- ii) Kepimpinan profesional (guru, tadbir urus kerajaan, badan berkanun dan korporat); serta
- iii) Kepimpinan intelek (akademik dan intelek awam).



Pelan Tindakan Wanita dibawah kluster kepimpinan adalah mengandungi tiga objektif.

i) Meningkatkan bilangan dan memperkukuh kualiti kepimpinan wanita di pelbagai sektor. Objektif ini berasaskan rasional bilangan pemimpin wanita yang rendah di hampir semua sektor. Walaupun peratusan pemimpin pertengahan wanita tinggi di beberapa sektor, peratusan ini tidak dicerminkan di peringkat atasan. Malah wanita lazimnya diberi tugas operasi berbanding membuat keputusan.

